

MAHATHIR-ZAMALAH

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 22 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN DIANUGERAHKAN ZAMALAH (FELLOWSHIP) KEHORMAT YANG PERTAMA INSTITUT PENGARAH MALAYSIA.

PRESIDEN INSTITUT ITU, TUN TAN SIEW SIN, MENYATAKAN DALAM SATU KENYATAAN HARI INI BAHAWA ZAMALAH ITU AKAN DISAMPAIKAN PADA 6 JANUARI.

TUN TAN MENAMBAH BAHAWA INSTITUT TERSEBUT MENSIHATKAN SEBAGAI SATU PENGHORMATAN KESEDIAAN PERDANA MENTERI MENERIMA ZAMALAH KEHORMAT PERTAMA ITU.

FELLOWSHIP TERSEBUT MERUPAKAN PENGHARGAAN TERTINGGI YANG DITAWARKAN OLEH INSTITUT TERSEBUT KEPADA ORANG-ORANG PERSEORANGAN SEBAGAI MENYANJUNG SUMBANGAN MEREKA KEPADA PROFESION MASING-MASING.

TUN TAN MENAMBAH BAHAWA INSTITUT TERSEBUT MERASAKAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN CEMERLANGNYA BUKAN SAHAJA SEBAGAI PERDANA MENTERI NEGARA INI, TETAPI JUGA MENERUSI PEMBAHARUAN BEBAGAI KONSEP.

KATANYA TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN +KETUA PENGARAH EKSEKUTIF+ NEGARA INI. -- BERNAMA 1740/ZCM